

# Hubungan Penghayatan Nilai Islam Anggota Tentera Darat Berdasarkan Program Pendidikan Islam Fardu Ain di Lembah Klang

**BITARA**Volume 4, Issue 3, 2021: 038-046  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## The Relation of Islamic Appreciation Values Among Malaysian Army Personnel's in Klang Valley Camps Based on Islamic Education of Fardu Ain and Fardu Kifayah

Mohamed Radzi Musa, Burhanuddin Jalal & Noor Azmi Mohd Zainol<sup>1</sup>

### Abstrak

Program kerohanian yang telah dilaksanakan dalam kalangan anggota Tentera Darat dilihat masih belum mencapai objektif pelaksanaan khususnya di sudut penghayatan nilai Islam. Ini menyebabkan pelanggaran norma agama dan seterusnya memberi kesan kepada individu dan mencalarakan imej ATM. Objektif kajian mengenal pasti hubungan program PIFA di sudut kurikulum, jurulatih dan infrastruktur ke atas penghayatan nilai Islam. Seramai 354 orang responden yang telah dipilih secara rawak di Lembah Klang melalui kaedah kuantitatif. Keputusan analisis kajian melalui penggunaan perisian SPSS versi 22 menunjukkan faktor ke atas kurikulum, jurulatih dan infrastruktur mempunyai hubungan signifikan terhadap penghayatan nilai Islam. Oleh itu, peningkatan penghayatan nilai Islam di kalangan anggota Tentera Darat, harus diberikan penambahbaikan bagi mencapai objektif program PIFA.

### Kata kunci:

Program PIFA dan penghayatan nilai Islam.

### Abstract

The spiritual programs that have been implemented among the members of the Armed Forces have not yet achieved the objectives of implementation, especially in terms of obligations of Islamic values. This leads to a violation of religious norms and in turn affects individuals and discolors the image of the ATM. The objective of the study was to identify the relationship of the PIFA program in terms of curriculum, coaches, and infrastructure on the obligations of Islamic values. A total of 354 respondents were randomly selected in the Klang Valley through quantitative methods. The results of the analysis of the study using SPSS version 22 software showed that the factors of curriculum, trainers and infrastructure have a significant relationship on the appreciation of Islamic values. Therefore, to increase the obligations of Islamic values among members of the Armed Forces, all factors must be given upgrading to achieve the objectives of the PIFA program.

### Keywords:

PIFA Program and obligations of Islamic values.

<sup>1</sup> Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan, Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

### Corresponding Author:

Burhanuddin Jalal, Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan, Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA

\*e-mel: burhanuddin@upnm.edu.my

**Cite This Article:**

Mohamed Radzi Musa, Burhanuddin Jalal & Noor Azmi Mohd Zainol. 2021. Hubungan penghayatan nilai islam anggota Tentera Darat berdasarkan program Pendidikan Islam Fardu Ain di Lembah Klang. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 38-46.

## Pengenalan

Islam meletakkan kehidupan di akhirat yang lebih utama, luas dan kekal abadi serta tidak meletakkan aspek kehidupan dunia semata-mata. Menurut Dzuhailmi et. al., (2012) bahawa aspek ketenangan jiwa, keberkatan rezeki serta kebahagiaan hidup merupakan tanda-tanda kejayaan yang diperolehi seseorang muslim di dalam kehidupan dunia yang sementara. Hasil kejayaan muslim menerusi proses penghayatan nilai Islam dan taat kepada hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT.

Pendidikan Islam merupakan aspek yang penting dalam usaha membina penghayatan nilai Islam. Menurut Hassan Langgulung (1991) bahawa tujuan dalam pendidikan Islam ialah keseimbangan dalam diri individu melalui terdiri daripada jasmani, rohani, emosi dan intelek. Menurut Ghazali (2004) bahawa kepentingan ke atas pendidikan Islam begitu memberi perhatian ke atas nilai kemanusiaan bagi memberi bimbingan serta panduan setiap insan di muka bumi. Menurut Ahmad Sabri (2003) bahawa agama Islam merupakan al-Din yang syumul. Nilai kesempurnaan di dalam agama Islam meliputi keseluruhan aspek dalam kehidupan seharian di sudut politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya.

Penghayatan nilai Islam melalui program pendidikan Islam dapat diterjemahkan melalui pelbagai program keagamaan seperti aktiviti dakwah. Melalui program pendidikan Islam merupakan satu proses yang berterusan agar setiap generasi dapat menghayati Islam dengan lebih mudah. Bimbingan nilai Islam secara berterusan kepada individu muslim haruslah, selari dengan tuntutan ke atas ilmu nilai keislaman. Oleh itu, ilmu keislaman merupakan kerangka asas di dalam penghayatan ke atas nilai Islam setiap muslim.

## Penghayatan Nilai Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia

Menyedari berhubung kepentingan penghayatan nilai Islam, ATM dan KAGAT telah mengambil langkah proaktif dalam usaha melaksanakan kerangka pemantapan program kerohanian. Salah satu program pemantapan elemen penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota ATM dikenali sebagai program Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA). Objektif program PIFA ialah meningkatkan tahap penghayatan nilai kefahaman Islam dan akhirnya membentuk perubahan sikap murni dalam kalangan anggota ATM.

## Pernyataan Masalah

Demi kelangsungan usaha yang berterusan ke arah peningkatan penghayatan nilai Islam, khasnya dalam anggota Tentera Darat, pihak KAGAT telah memainkan peranan penting. Objektif program pendidikan Islam ialah bagi mengukuhkan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat. Melalui Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera

No. 5 (1990), program pendidikan Islam diharapkan berupaya membentuk anggota yang mengamalkan kehidupan selari dengan syariat Islam.


Walau bagaimanapun, setelah hampir lapan tahun semenjak pelaksanaan, program PIFA tidak dinilai keberkesannya sejak ia diwartakan pada tahun 2013. Di samping itu, program PIFA masih tiada usaha proaktif daripada pihak KAGAT untuk menilai kembali semula program PIFA di sudut penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota tentera. Oleh itu, kajian penyelidikan penghayatan nilai Islam melalui program PIFA khususnya dalam kalangan anggota Tentera Darat, merupakan satu aspek yang memerlukan dikaji semula. Menurut Zulkeple dan Khazri (2018) menjelaskan bahawa masih terdapat banyak kes salah laku yang melibatkan anggota Tentera Darat, walaupun program PIFA telah dilaksanakan hampir lapan tahun yang lalu.

Menurut Nik Daud dan Rosmawati (2014) bahawa wujud pelbagai usaha dan gerak kerja yang dilakukan melalui program-program kerohanian sama ada badan-badan dakwah dan pihak individu. Di samping itu, menurut Zulkeple dan Khazri (2018) bahawa wujud cabaran yang tinggi dalam menerapkan aspek kerohanian Islam dalam usaha pemantapan keperibadian dan penghayatan nilai Islam seorang perajurit. Oleh itu, persoalan yang paling mustahak, mengapa kes salah laku masih berlaku dalam kalangan anggota Tentera Darat? Adakah penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat telah tersasar jauh walaupun pelbagai program pendidikan agama telah dihadiri?

## Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, matlamat kajian bertujuan menjelaskan hubungan di antara program PIFA dengan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat ialah mengkaji hubungan di antara kurikulum, jurulatih dan infrastruktur program PIFA dengan penghayatan nilai Islam.

## Kerangka Konseptual Kajian




Rajah 1.1: Hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

Model hubungan langsung telah mengenal pasti struktur penting yang dapat dijadikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar terdiri faktor kurikulum, jurulatih, infrastruktur dan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat sebagai pemboleh ubah bersandar seperti dipaparkan melalui Rajah 1.1.

## Kajian Literatur

Tujuan pendidikan Islam ialah menyampaikan ilmu kepada setiap individu muslim. Melalui pendidikan Islam, setiap individu muslim dapat mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Melalui pendidikan Islam, al-Ghazali amat memberikan perhatian ke atas penghayatan nilai Islam. Berkaitan perkara penghayatan nilai Islam, teori al-Ghazali (1993) telah menjelaskan mengenai perkaitan ajaran Islam di dalam kehidupan seharian. Oleh itu, setiap ilmu yang dipelajari seharusnya membimbing setiap individu muslim ke arah nilai penghayatan nilai Islam dan ketakwaan kepada Allah SWT.

al-Ghazali (1998) juga menambah berkaitan penghayatan nilai Islam ialah melalui konsep ilmu dan amal seperti dipaparkan Rajah 2.2. Melalui teori ilmu dan amal yang diketengahkan oleh al-Ghazali (1993) menjelaskan tentang aspek kesepaduan ilmu iaitu gabungan di antara ilmu, amal dan iman. Ketiga-tiga konsep ini diperlukan supaya ilmu yang dipelajari dapat diamalkan dengan baik.



Rajah 2.2: Teori ilmu dan amal al-Ghazali (1993)

Menurut Ulwan (2012) menjelaskan bahawa penghayatan nilai Islam harus dimiliki oleh setiap individu muslim sejak peringkat kanak-kanak hingga dewasa. Melalui pendidikan, tumpuan ke arah bertingkah laku, tabiat dan harus dijadikan sebagai amalan dalam norma kehidupan. Melalui penghayatan nilai Islam mampu membangunkan sahsiah di sudut empat elemen utama, jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kegagalan seseorang untuk mengakui kepentingan dan kaitan antara elemen ilmu, akal dan agama akan membawa kepada penyelewengan dalam tingkah laku dan amalan, serta kegagalan memahami peranannya yang sebenar terhadap agama, bangsa dan negara (al-Ghazali, 1976).

Pembangunan sahsiah ini merangkumi keseluruhan di dalam aspek kehidupan individu seperti ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, mencari rezeki, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati (al-Ghazali, 1976). Seseorang individu haruslah menjaga adab seorang pelajar seperti menjaga hubungan dengan Allah SWT. Jika individu itu gagal menjaga

hubungan dengan Allah SWT semakin jauh, maka ketahuilah bahawa ilmu tersebut adalah sia-sia.

## Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian yang dikenal pasti bersesuaian dengan tujuan kajian ini ialah reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk kajian penyelidikan yang tersusun dan sistematik, membantu penyelidik memenuhi objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian penyelidikan. Borang soal selidik ini mempunyai terdiri kurikulum program iaitu 12 item, jurulatih program iaitu 15 item dan infrastruktur program iaitu 5 item dan pemboleh ubah bersandar, penghayatan nilai Islam iaitu 10 item. Seramai 354 anggota Tentera Darat, Lain-Lain Pangkat (LLP) yang berkhidmat di Lembah Klang telah dipilih secara rawak.

## Analisis Data

Analisis data kajian ialah berdasarkan data yang telah diperolehi di Kem Tentera Darat yang berpangkalan di Lembah Klang. Melalui persetujuan Pegawai Memerintah, sebanyak lima buah Kem Tentera Darat telah dipilih bagi tujuan pengedaran borang kajian soal selidik. Berdasarkan Jadual 1.1 menunjukkan taburan demografi responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan akademik, kem Tentera Darat, pencapaian program PIFA.

Jadual 1.1: Taburan Responden Kajian.

| Kategori                         | Item                            | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------------|---------------------------------|-----------|---------|
| Jantina                          | Lelaki                          | 278       | 78.5%   |
|                                  | Perempuan                       | 76        | 21.5%   |
| Umur                             | 19 tahun hingga 22 tahun        | 97        | 27.4%   |
|                                  | 23 tahun hingga 28 tahun        | 105       | 29.7%   |
|                                  | 29 tahun hingga 34 tahun        | 95        | 26.8%   |
|                                  | 35 tahun hingga 40 tahun        | 55        | 15.5%   |
|                                  | 41 tahun dan ke atas            | 2         | 0.6%    |
| Status                           | Bujang                          | 137       | 38.7%   |
| Perkahwinan                      | Berkahwin                       | 211       | 59.6%   |
|                                  | Bercerai                        | 6         | 1.7%    |
| Kelulusan akademik               | Penilaian Menengah Rendah       | 16        | 4.5%    |
|                                  | Sijil Pelajaran Malaysia        | 299       | 84.5%   |
|                                  | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia | 14        | 4.0%    |
|                                  | Diploma                         | 23        | 6.5%    |
|                                  | Ijazah Sarjana Muda             | 2         | 0.6%    |
|                                  | Kem Wardieburn (6 RRD)          | 52        | 14.7%   |
| Kem Batu Kentonmen (74 KOD)      | 58                              | 16.4%     |         |
| Kem Perdana Sungai Besi (1 RAMD) | 170                             | 48.0%     |         |

|                         |                                   |    |       |
|-------------------------|-----------------------------------|----|-------|
| Kem Tentera Darat       | Kem Sungai Buloh (MK 11 BGD)      | 8  | 2.2%  |
|                         | Kem Tun Ibrahim (31 RAD)          | 28 | 8.0%  |
|                         | Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) | 38 | 10.7% |
|                         | PIFA Tahap 1                      | 94 | 26.6% |
| Pencapaian program PIFA | PIFA Tahap 2                      | 57 | 16.1% |
|                         | PIFA Tahap 3                      | 97 | 27.4% |
|                         | PIFA Tahap 4                      | 87 | 24.6% |
|                         | PIFA Tahap 5                      | 19 | 5.4%  |

Melalui paparan Jadual 1.2, memaparkan nilai skor koefisien kebolehpercayaan bagi nilai *Alpha Cronbach* ke atas faktor kurikulum 0.806, faktor jurulatih 0.857, infrastruktur 0.733. Manakala, item penghayatan nilai Islam yang menunjukkan nilai skor koefisien ialah 0.803.

Jadual 1.2: Analisis nilai kebolehpercayaan ke atas pemboleh ubah tidak bersandar, dan pemboleh ubah bersandar.

| Pemboleh Ubah              | Bilangan Konstruk | Nilai Kebolehpercayaan |
|----------------------------|-------------------|------------------------|
| Kurikulum program PIFA     | 12                | 0.806                  |
| Jurulatih program PIFA     | 15                | 0.857                  |
| Infrastruktur program PIFA | 5                 | 0.733                  |
| Penghayatan Nilai Islam    | 10                | 0.803                  |

Keputusan kajian menunjukkan perhubungan positif seperti jadual 1.3, iaitu hubungan yang sederhana di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan bersandar. Korelasi di antara kurikulum program PIFA dengan penghayatan nilai Islam adalah signifikan ( $r=0.498$ ; dan nilai  $p < 0.05$ ); korelasi di antara jurulatih Program PIFA dengan penghayatan nilai Islam adalah signifikan ( $r=0.574$ ; dan nilai  $p < 0.05$ ); korelasi di antara infrastruktur Program PIFA dengan penghayatan nilai Islam adalah signifikan ( $r=0.529$ ; dan nilai  $p < 0.05$ ). Ketiga-tiga pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan pada 95% aras keyakinan. Keputusan ujian korelasi menjelaskan bahawa wujud perhubungan positif di antara faktor kurikulum, jurulatih dan infrastruktur ke atas penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat.

Jadual 1.3: Korelasi Antara Pemboleh Ubah Bersandar Dan Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

|  | Pemboleh Ubah Tidak Bersandar |                        |                            |
|--|-------------------------------|------------------------|----------------------------|
|  | Kurikulum Program PIFA        | Jurulatih Program PIFA | Infrastruktur Program PIFA |
| Korelasi Pearson                               | <b>0.498**</b>                | -                      | -                          |
| Penghayatan Nilai Islam (Pemboleh Ubah Bersar) | -                             | <b>0.574**</b>         | -                          |
| Korelasi Pearson                               | -                             | -                      | <b>0.529**</b>             |
| Sig. (2-hujung)                                | 0.000                         | 0.000                  | 0.000                      |

\*\*Korelasi sangat signifikan pada 95% aras keyakinan. (2 hujung)

## Perbincangan, Implikasi Dan Cadangan

Tiga penemuan penting ditemui hasil daripada pengujian model secara langsung. Pertama, kurikulum program PIFA mampu mendorong meningkatkan keberkesanan penghayatan nilai Islam dalam anggota Tentera Darat. Dapatan ini menyokong kajian akademik yang telah dilakukan oleh Kamarudin dan Yang Marya (2016), Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017) serta Norazani et. al., (2004). Melalui program PIFA, penggunaan kurikulum dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, dapat memupuk sikap berdikari dalam kalangan anggota Tentera Darat. Secara langsung amalan berdikari dalam kalangan anggota Tentera Darat agar meningkatkan penghayatan nilai Islam di pasukan dan formasi masing-masing. Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Jamaludin Ahmad (2002) bahawa penggunaan modul adalah pelengkap ke atas kurikulum yang disediakan.

Kedua, peranan jurulatih program PIFA juga bertindak sebagai faktor yang berkesan dalam meningkatkan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat. Dapatan kajian telah disokong oleh Che Haslina et. al., (2009), Rahimi (2007) dan Zuraidah (2013). Ketiga, kemudahan infrastruktur program PIFA telah bertindak sebagai elemen pelengkap dalam meningkatkan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat. Dapatan ini telah disokong sepenuhnya oleh kajian daripada Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman (2011), Alias et. al., (2011) dan Nor Zaira et. al., (2017). Kesimpulannya, dapatan keputusan pengujian bagi model kesan langsung mengesahkan bahawa faktor kurikulum, jurulatih dan infrastruktur mampu bertindak sebagai elemen yang penting ke atas penghayatan nilai Islam melalui program PIFA dalam kalangan anggota Tentera Darat.

## Kesimpulan

Modul kurikulum, jurulatih dan infrastruktur yang baik akan berupaya menerapkan nilai murni, membawa peserta program PIFA yang positif bagi menghayati -nilai Islam serta diajar berfikir agar mendapat faedah yang maksimum kesan dari penggunaannya. Maka secara tidak langsung peningkatan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat akan turut meningkat melalui penambahbaikan kualiti program PIFA.

## Rujukan

- Ahmad Sabri Osman. (2003). Konsep Pendidikan Islam. *Jurnal Intelek*. 1. pp. 22-38. ISSN 2231-7716.
- Alias, M. S., Alias, N. M. R., Nik Yusoff, Ruhizan, M.Y. (2011). Penilaian kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan kursus dalam perkhidmatan bagi kursus pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1).
- Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 5 (1990). Sukatan Pendidikan Islam Angkatan Tentara Malaysia. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. KP/BPSM/KAGAT/A/5034 [30 April 1990].

- Che Haslina, A., Zulkefli, M., Siti Khalijah, M., & Saharani, A. R. (2009). Persepsi pelajar terhadap kredibiliti pensyarah pendidikan Islam: Satu Kajian. *Esteem Academic Journal*, 5.
- Dzuhailmi, D., Turiman, S., O., M.Rezal, H., Jegak, U., Jamilah, O., Nobaya, A. & N. Azliza, W. A. (2012). Komuniti nelayan muslim: analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama. *Malaysia Journal of Society*. Issue 3 (43- 51) 43. 2012, ISSN 2180 – 2491.
- al-Ghazali, Abu Hamid (1976). *Mizan al- amal*, Dalam. Majid Fakhri, Al-Fikr Al-Akhlaqi Al-'Arabi. 2 Jil, Misr: Al-Ahliyyah Lial-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuhal-walad*. Kaherah: Dar Al-Tawzi' Wa Al-Nasr Al-Islamiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1998). *Ihya' Ulum Al- Din*, J.5. Kaherah: Maktabah Misr.
- Ghazali Darussalam. (2004). *Pedagogi pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Hassan, Langgulung. (1991). *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21*. Shah Alam: Selangor Hizbi Sdn Bhd.
- Jamaludin, A. (2002). *Kesahan, kebolehppercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Kamarudin, S. & Yang, M. A. K. (2016). Unsur-unsur persefahaman antara agama dalam kurikulum pendidikan Islam dan moral. *Jurnal Islamiyyat*. 38(2).
- Mohd Syaubari, O. & Ahmad, Y. K. (2017). Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan islam sekolah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*. Vol 3(1).
- Nik Daud, R. H. & Rosmawati, M. R. (2014). *Perlanggaran tatasusila agama dalam kalangan anggota polis di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman*. Al-Hikmah, Vol 6(2). Kuala Lumpur.
- Nor Zaira, R. Zolkefli, B., And Mohd Kasri, S. (2017). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan VLE Frog dalam kalangan guru di sekolah menengah*. International Seminar on generating knowledge through research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Norazani, A, Jaffary A., & Hapizah, T. (2004). *Pendidikan Islam dan pembentukan identiti pelajar: Analisis dari perspektif kaunseling*. Jabatan Falsafah dan Teknologi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rahimi R (2007) *Training Environment and Training Effectiveness: A Study of the Malaysian Army At 6<sup>th</sup> Royal Malay Regiment* (Disertasi Ijazah Sarjana). Universiti Utara Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Sharifah, N. P. & Kamarul, A. A. S. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1).
- Ulwan, A. N. (2012). *Pendidikan anak dalam Islam*. Jawa Tengah: Penerbit Insan Kamil.
- Zulkeple, A. S., dan Khazri, O. (2018). Pelaksanaan bimbingan kerohanian semasa operasi terhadap anggota Tentera Darat Malaysia (TDM). *Fikiran Masyarakat*. Vol. 6(2).



Zuraidah, R. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam kurikulum standard sekolah rendah tahun satu*. Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum Dan Pengajaran). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim. (Tidak Diterbitkan).